



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN PERASMIAN

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN PAMERAN ART UNITES &
TEMASYA BAGAN 2020

TARIKH / MASA / TEMPAT

1 FEB 2020 (SABTU)
5.30PTG

C-SECTION LORONG BAGAN LUAR 2, BUTTERWORTH

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Satees A/L Muniandy
ADUN Bagan Dalam

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani Binti Hj Mahmud
Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati Encik Zaini Zainul
Pengarah Urusan Zart Eventive

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

.....

Assalamualaikum warahmatullahhi wabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur saya pada hari ini, kerana sekali lagi pada tahun 2020 kita dapat berkumpul bersama-sama dalam Perasmian Pameran Art Unites dan Temasya Bagan 2020. Terima kasih kepada YB Satees A/L Muniandy, Adun Bagan Dalam, Ahli-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan, Zart Eventive serta semua yang hadir kerana meluangkan masa

pada petang ini untuk menghidupkan semangat baru di kawasan Butterworth ini. Pelbagai program telah dirancang pada tahun-tahun sebelum ini dan alhamdullilah ke semua program yang dianjurkan mendapat sokongan daripada penduduk tidak kira dalam negara bahkan luar negara.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

MBSP komited untuk membawa perubahan kepada rakyat setelah dinaiktaraf menjadi bandaraya supaya semua rakyat Seberang Perai dapat menikmatinya. Antara komitmen MBSP ialah untuk menjadi bandaraya yang seiring dengan *Penang 2030 “A Family – Focused Green and Smart State That Inspires The Nation”*, komited untuk menjadi sebuah bandaraya berteraskan pembangunan rendah karbon, sebuah bandaraya berdaya tahan, bandaraya yang inklusif, saksama dan pembangunan berpaksikan rakyat serta Seberang Perai komited untuk menjadi sebuah bandaraya yang kompetitif dan pintar. Oleh itu, program-program yang diselitkan juga mempunyai nafas baru seperti program pada hari ini .

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Pameran Art Unites ini merupakan satu pameran untuk memperkasakan Bandar Butterworth sebagai zon seni dan budaya. Art

Unites ini dianjurkan oleh Persatuan Anak Seni Utara (PASU) dengan kerjasama MBSP. Persatuan Anak Seni Utara (PASU) adalah gabungan individu-individu yang berminat dengan seni, penggemar seni, karyawan seni dan individu yang ingin belajar mengenai seni.

Pameran Art Unites yang julung kali diadakan bagi tahun 2020 di C Section ini akan mengumpulkan 22 orang artis visual dari 4 negeri di utara Semenanjung Malaysia iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak bagi membuat pameran seni lukis dan arca. Pameran bertaraf professional dan antarabangsa ini menjadikan Butterworth Zon Seni & Budaya sebagai tarikan pelawat dalam dan luar negeri. MBSP percaya bahawa seni dapat menyantuni masyarakat dan komuniti.

Aktiviti seni dan budaya juga boleh menjana ekonomi di mana di pameran ini, lukisan-lukisan dijual di antara RM200.00 sehingga RM7000.00. Bakat yang ada tidak perlu disia-siakan kerana kadangkala kita tidak sedar bahawa bakat itu boleh menjana pendapat yang lumayan.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Lorong Bagan Luar 2 merupakan sebahagian daripada Zon Seni dan Budaya Butterworth Art Walk yang telah dijenamakan pada penghujung tahun 2019. Hasil-hasil seni mereka akan dipamerkan di C Section bermula 1 Februari 2020 sehingga 18 April 2020. Zon Seni dan Budaya Butterworth Art Walk meliputi kawasan berikut :

- i. Sempadan Jalan Heng Choon Tian
- ii. Jalan Dato' Haji Ahmad Said
- iii. Lorong Bagan Luar 1
- iv. Lorong Bagan Luar 2
- v. Lorong Belakang bagi jalan susur Jalan Bagan Luar, Butterworth (bangunan nombor 4105 sehingga bangunan nombor 4108 dan dari bangunan nombor 4185 sehingga bangunan nombor 4223).
- vi. Jalan Bagan Luar
- vii. Jalan Pasar
- viii. Jalan Jeti Lama
- ix. Lorong Belakang bagi jalan susur bangunan Kompleks Bagan dan Bangunan Bazar MARA.

Pameran Art Unites ini merupakan salah satu pengisian komponen bagi Zon Seni dan Budaya di Butterworth Art Walk yang mana ia dapat menjadi medium dalam menarik peminat-peminat seni di wilayah utara untuk berkumpul dan saling bertukar fikiran selain mengeratkan perpaduan di antara mereka dan secara tidak langsung boleh mengalakkan ekonomi.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Selain daripada pameran Art Unites, Temasya Bagan juga bukalanlah program baru bagi kita. Pengajuran Temasya Bagan ini merupakan salah satu pengisian program selaras dengan pelaksanaan *Butterworth Baharu Regeneration Programme* yang mana meletakkan matlamat pengajuran untuk memangkin pembangunan ekonomi Bandar Butterworth di Konurbasi Wilayah Utara. Temasya Bagan adalah seiring dengan Penang 2030 di bawah Tema C ‘*Empower People To Strengthen Civic Participation*’. Program ini membawa perubahan dan penambahbaikan yang dinamik di Bandar Butterworth.

Selaras dengan itu, program Temasya Bagan akan diteruskan bagi tahun 2020 dengan kerjasama Zart Eventive Enterprise seperti yang termaktub di dalam Buku Seberang Perai Corporate Priorities 2020: Keterlibatan Komuniti sebagai keutamaan strategic. Sebanyak enam (6) kali pengajuran akan dilaksanakan sepanjang tahun 2020 mengikut tema-tema yang telah ditetapkan. Temasya Bagan yang pertama bagi tahun 2020 kali ini adalah bertemakan Gong Xi Fa Cai sempena sambutan perayaan Tahun Baru Cina

Pelbagai program telah disusun seperti Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak, Pertandingan Origami, Persembahan *Lion Dance*, *Soopa Doopa*, aktiviti memanah, persembahan *Live Band* serta pameran pelbagai agensi termasuk pameran batik, perpustakaan bergerak daripada Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang, *sand art* dan klinik pergigian percuma. Terdapat juga gerai-gerai jualan hasil seni serta gerai jualan juadah makanan dan minuman.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Temasya Bagan dilihat sebagai salah satu inisiatif dalam meremajakan semula Bandar Butterworth ke arah *liveable city* di Seberang Perai yang lebih ceria dan vibrant. Ia merupakan salah satu platform yang dapat membuka ruang kepada komuniti dengan pelbagai komponen *education and awareness* dari segi kesenian, kebudayaan dan warisan tempatan selain merancakkan aktiviti *Local Economic Development* (LED).

Untuk makluman semua, pada tahun ini MBSP akan meneruskan penganjuran Butterworth Fringe Festival untuk kali yang ke -6 iaitu pada 5-6 Disember 2020. Saya berharap BFF kali ini akan menarik lebih ramai pengunjung dan pihak urusetia dapat memberi kelainan baru bagi

penganjuran kali ini. Sebarang maklumat lanjut, tuan –tuan dan puan-puan boleh melayari Facebook Butterworth Fringe Festival.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Semua program-program yang dianjurkan ini menepati hasrat dan Wawasan Negeri Pulau Pinang iaitu “*A Family-Focused Green and Smart State*” (Pulau Pinang Pintar, Hijau dan Mesra Keluarga) yang merupakan suatu gagasan berwawasan, realistik, praktikal dan berpaksikan rakyat dan memberi tumpuan kepada peningkatan taraf hidup serta kualiti hidup penduduk; mengembangkan saiz ekonomi demi meningkatkan pendapatan isi rumah; memperkasa rakyat demi mengukuhkan sistem masyarakat sivil dan pelaburan Kerajaan Negeri dalam pembangunan alam semula jadi agar lebih berdaya tahan.

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, YB Adun Bagan Dalam, Ahli-Ahli Majlis, Zart Eventive yang sentiasa menyokong usaha MBSP ke arah *Smart Sustainable City*. Saya berharap kerjasama ini tidak hanya setakat ini bahkan akan lebih melimpah ruah pada masa-masa akan datang.

Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada semua pengunjung dan penduduk sekitar Butterworth dan luar daripada Butterworth kerana bersama-sama menjayakan program-program MBSP dan saya pasti “***Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan***” atau “***Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow***” dapat direalisasikan pada tahun 2022. Rasanya masih belum terlewat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada semua yang menyambut perayaan tahun baru Cina.

Dengan ini, saya sudahi dengan ***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***

Sekian, Terima kasih.